

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 Markah]

Soalan 1 : Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Kebelakangan ini, reka bentuk jajaran jalan raya semakin berkembang maju bagi menampung pertumbuhan permintaan lalu lintas. Pembinaan persimpangan yang rumit dan lebuh raya bertingkat boleh mengelirukan pemandu, terutamanya yang memandu untuk kali pertama di laluan tersebut. Oleh itu, untuk memudahkan pemandu, terdapat pelbagai saluran maklumat disediakan sama ada yang dipasang di atas jalan raya ataupun jenis yang terbina dalam peranti pintar. Antara peranti yang popular di peringkat antarabangsa ialah pelayar sistem kedudukan sejagat (GPS).

Dipetik dan diubah suai daripada ‘Peranti
Pintar: Bantuan atau Gangguan di Jalan Raya?’
Oleh Suzielah Rahmad, Nur Izzi Md Yusoff,
Dewan Kosmik, Oktober 2022.

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 Markah]

Soalan 1 : Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata majmuk. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Wabak influenza ketika ini dalam keadaan terkawal. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kes di 10 buah negeri termasuk bandar raya Kuala Lumpur dan Putrajaya. Menurut Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham bin Abdullah, peningkatan influenza dikesan menerusi analisis semasa bagi pola aktiviti influenza. Sebagai ketua pengarah, beliau mencadangkan mereka yang mempunyai gejala jangkitan influenza supaya berehat di rumah hingga sembuh jika diberi cuti sakit dan tidak berada di tempat tumpuan awam, atau bertemu dengan orang lain. Jika perlu mengadakan pertemuan mereka dinasihati agar memakai pelitup muka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Serangan Influenza Meningkat tetapi Terkawal'
Buku Teks Tingkatan 5, DBP, 2020

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**[35 markah]**

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan tiga kata adjektif. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Cikgu Rizal, kaunselor di Sekolah Menengah Kebangsaan Permata telah menjelaskan tiga langkah menguruskan kewangan secara bijak, iaitu generasi muda perlu meningkatkan ilmu pengurusan kewangan, mempunyai penasihat kewangan, dan mengutamakan prinsip simpan dahulu belanja kemudian. Beliau turut menyentuh aspek pendidikan kewangan yang ditawarkan oleh Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dalam mendidik generasi hemat berbelanja. Kegagalan seseorang individu itu membayar hutang kerana perancangan kewangan yang lemah.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Kewangan Berhemat, Hidup Selamat: Fahami Celik Wang'

<https://www.ikim.gov.my>

[6 markah]

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata adjektif. Kemudian, bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata adjektif tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau nama khas.*

Nilai yang baik ini perlu dibentuk dalam kalangan anak muda sejak mereka kecil lagi, bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungunya. Ibu bapa merupakan golongan tua yang perlu dihormati dan pandangan mereka yang bernas perlulah diambil kira. Kita digalakkan menggunakan bahasa yang indah dan lembut semasa berbicara dengan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada
'PKP Menguatkan Sistem Kekeluargaan',
Pelita Bahasa, Bil 06 2020

[8 markah]

Bahagian A : Sistem dan Aplikasi Bahasa**[35 markah]****[Masa yang dicadangkan : 45 minit]**

1. Baca petikan di bawah dengan telitinya dan senaraikan dua kata kerja aktif transitif dan dua kata berimbuhan apitan Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaanya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.

Penyalahgunaan dadah telah terbukti memusnahkan kehidupan individu dan membawa kesengsaraan kepada seluruh sistem keluarga, masyarakat dan negara. Kemusnahan ini berlaku dalam bentuk terancang dan perancangan ini dilakukan oleh mereka yang ingin mengaut keuntungan semata-mata daripada dagangan dadah dengan menjadikan remaja sebagai kumpulan sasaran.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Dadah Membunuh Masa Hadapan Negara' oleh Muhammad Helmi Ibrahim, *Dewan Siswa*, Bil 11/2017

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA*[35 markah]*

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata bantu. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata bantu tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan tersebut sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini sudah memasuki tahun kedua diraikan dalam suasana pandemik. Masyarakat di negara kita berada dalam kegelisahan ekoran gejala COVID-19 yang masih menular. Sebelum ini, usaha-usaha untuk mencapai kemerdekaan telah menyebabkan rakyat melalui pelbagai keperitan dan kesengsaraan dalam perjuangan bagi menentang penjajah. Terdapat rakyat yang berjuang dengan mengangkat senjata dan ada yang menggunakan ketajaman mata pena kerana mahu membebaskan negara daripada penjajah. Oleh itu, kita harus mempertahankan kemerdekaan demi generasi masa depan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Warnai Kemerdekaan dengan Semangat Perjuangan'
oleh Shafry Salim
Utusan Online 27 Ogos 2021

[8 markah]

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan kata penguat, kata bantu dan kata bilangan. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Ruang bagi golongan remaja menceburi bidang keusahawanan ini amat luas. Bidang keusahawanan ialah bidang yang perlu diterokai oleh kebanyakan remaja. Remaja yang melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi juga boleh menceburi bidang keusahawanan walaupun masih bergelar pelajar. Dunia sekarang yang semakin moden dan sangat mencabar menuntut para remaja supaya berdikari dan berdaya kreatif. Keusahawanan dan perniagaan harus dijadikan satu daripada kerjaya pilihan dalam kalangan remaja supaya kebergantungan terhadap pasaran kerjaya makan gaji dapat dikurangkan dan seterusnya mengurangkan kadar pengangguran dalam masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Ayuh, Jadilah Usahawan!'
oleh Syed Mahadzir Syed Ibrahim,
Dewan Siswa, Bil. 7/2019

[6 markah]

BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

- 1** *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata majmuk dan dua akronim. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai usaha membendung pandemik pastinya memberikan kesan yang positif terhadap penyebaran virus korona. Namun begitu, hal ini sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada rakyat kerana terpaksa berkurung di rumah. Oleh hal yang demikian, berpusu-pusulah orang ramai mengambil kesempatan makan angin apabila kebenaran merentas negeri diumumkan. Purata rakyat Malaysia yang merentas negeri mencecah lebih 1 juta. Walau bagaimanapun, hal ini bukan bermakna kita boleh memandang remeh Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita perlu memahami konsep 'bercuti dalam norma baharu' kerana keadaan tempat percutian sentiasa sesak, seperti di pawagam dan pusat beli-belah.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bercuti dalam Kebiasaan Baharu'
oleh Prof. Dr. Noraziah Mohamad Zin,
Dewan Siswa, Bil.12/2021.

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata hubung tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Sebagai warga Malaysia, pengusaha produk menggalas tanggungjawab yang besar untuk mengetengahkan produk tempatan yang menggunakan jenama bahasa Melayu dengan betul. Mereka perlu yakin bahawa bahasa kebangsaan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi dan berupaya menjadi bahasa ilmu. Peranan pengusaha bukan untuk meraih keuntungan semata-mata tetapi lebih daripada itu. Mereka perlu berasa bangga jika dapat menyerlahkan identiti dan jati diri negara melalui jenama produk bahasa kebangsaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jenama Produk Berbahasa Melayu
Serlahkan Jati Diri Bangsa'
oleh Norazlina Mohd Ikram,
Pelita Bahasa, Bil 10/2022

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA*[35 markah]*

- 1** *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan empat kata bantu. Kemudian bina satu ayat anda sendiri daripada setiap kata bantu tersebut untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau kata nama khas.*

Industri pelancongan dapat menambah pendapatan negara dalam bentuk tukaran mata wang asing. Keindahan tempat pelancongan di Malaysia seperti Taman Negara Endau-Rompin dan bangunan yang tersergam indah di Kuala Lumpur telah menarik pelancong dari luar negara untuk berdarmawisata. Dengan pertambahan bilangan pelancong ke Malaysia, sudah tentu jawatan sebagai pemandu bas dan pekerja dalam industri perhotelan patut diperbanyak.

Walau bagaimanapun, industri pelancongan yang sedang berkembang pesat turut mengundang kesan negatif terhadap alam sekitar. Kegiatan pembangunan secara tidak terancang untuk pembinaan hotel, jalan raya, dan taman rekreasi akan mengakibatkan berlakunya hakisan tanah dan kemusnahan hutan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kesan Industri Pelancongan kepada Negara'
oleh Jared Liw Zhi Long,
Dewan Siswa, Bil.06/2021

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti. Kenal pasti dan senaraikan **empat kata adjektif**. Kemudian, bina **satu ayat anda sendiri** daripada setiap kata adjektif untuk menunjukkan anda faham maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Pada era komunikasi di hujung jari, kini perlumbaan penyampaian sesuatu maklumat merupakan suatu yang kritikal. Pengguna memilih media yang mampu menyampaikan sesuatu maklumat dengan pantas. Ciri ini ada pada media baharu seperti *Facebook* dan *WhatsApp* kerana sumbernya disalurkan oleh orang perseorangan dan bukannya agensi atau bahan tertentu seperti media konvensional. Pengarah Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin, menyatakan bahawa media sosial walaupun telah menjadi alat yang berkesan untuk berkongsi maklumat, tetapi ada antara pengguna yang menjadikan media tersebut untuk menyebarkan fitnah dan maklumat yang tidak tepat. Bahkan wujud individu yang menyebarkan berita palsu untuk meraih perhatian agar hantaran mereka menjadi isu hangat.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Media Konvensional dan Media Baharu, Kelebihan dan Kekurangan'
oleh Amirah Syazwani Baderol Sham
Dewan Siswa Bil, 2 2019

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**[35 Markah]****[Masa dicadangkan : 45 Minit]**

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata hubung. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Berdasarkan bukti arkeologi, ayam domestik pertama yang berjaya dikesan di Asia Tenggara adalah daripada spesies ayam hutan atau *red junglefowl* kira-kira 10 ribu tahun lalu. Namun demikian, analisis *asid deoksibonukleik* (DNA) dan penyelesaian matematik mendapati bahawa spesies tersebut telah wujud di muka bumi sejak 58 ribu tahun lalu. Hal ini bermakna bahawa telur lebih dahulu wujud di dunia kerana telur telah wujud sejak 340 juta tahun lalu.

Dipetik dan diubah suai daripada
Memanfaatkan Kulit Telur untuk Alam Sekitar,
oleh Norimanah Seman
Dewan Kosmik , 18 Mei 2022.

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA**[35 Markah]****[Masa dicadangkan : 45 Minit]**

- 1** *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata penekan dan dua kata penguat. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Usahawan dalam kalangan remaja bukan lagi sesuatu yang luar biasa. Sesungguhnya, pada hari ini, sesiapa yang paling rajin, berani dan cekal boleh menjadi usahawan tanpa mengira usia dan jantina. Hal ini didorong oleh kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi yang membolehkan sesiapa sahaja yang ingin menjalankan perniagaan dan mengaut keuntungan sangat lumayan malahan tanpa batasan menerusi perniagaan secara dalam talian. Nampaknya, banyak remaja di dunia ini yang bergelar jutawan dalam masa yang pantas sekali. Bahawasanya, kejayaan luar biasa mereka menjadi inspirasi kepada banyak orang.

Dipetik dan diubah suai daripada
usahawan Remaja Berjiwa Kental
Oleh Fadhli Ali, *Dewan Siswa*, Mei 2020

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

1. *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata majmuk mantap. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

KANGAR: Sebaik melangkah ke Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Indera, pasti timbul persoalan mengenai papan tanda 'Seri Indera Mall' yang kelihatan seperti pasar raya di dalam sekolah itu. 'Seri Indera Mall' merupakan satu konsep kerjasama antara pihak pentadbir, kakitangan sekolah dengan murid untuk mewujudkan suasana selesa, santai dan kondusif kepada semua warga sekolah. Pihak sekolah melaksanakan program ini sebagai satu inovasi dalam menunaikan tanggungjawab pembelajaran dan pembangunan intelek serta kemahiran murid.

'Seri Indera Mall' diwujudkan untuk menonjolkan ciri kebitaraan atau keunikan diri murid yang tidak hanya tertumpu kepada akademik, beritahu Guru Besar SK Seri Indera, Nor Sharmila Shaari. Katanya lagi, idea untuk menghasilkan Seri Indera Mall ini bermula setelah Pengarah Pendidikan Negeri Perlis, Naharudeen Othman yang menyarankan sekolah-sekolah melakukan perubahan dalam suasana pembelajaran murid pada alaf ke-21 yang bertaraf antarabangsa.

(Dipetik dan diubah suai daripada "Pusat Beli-belah' dalam Sekolah"
oleh Aizat Sharif)

[8 markah]

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1 - Morfologi

Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan empat kata adjektif perasaan. Kemudian, anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama

SEREMBAN: Robot hasil ciptaan pereka cilik dari Sekolah Kebangsaan (SK) Dato Ahmad Manaf bukan sahaja kreatif tetapi juga mempunyai elemen patriotik. Robot yang diberi nama Merdeka Rero Micro itu direka cipta sempena perarakan sambutan Hari Kemerdekaan negara baru-baru ini.

Guru Penolong Kanan Kokurikulum SK Dato Ahmad Manaf, Azrie Abu Talib, berkata rekaan berkenaan ialah cetusan idea murid sekolah itu sendiri sebelum ditambah baik guru penyelaras serta guru subjek Reka Bentuk dan Teknologi. "Kami berpendapat, setiap kanak-kanak pasti suka akan perarakan sambutan Hari Kemerdekaan yang diadakan secara besar-besaran dan sangat meriah di Dataran Merdeka pada setiap tahun. Dengan pelbagai kenderaan berhias yang cantik dan kenderaan berperisai yang kelihatan gagah daripada pasukan keselamatan, sememangnya akan membuatkan kanak-kanak berasa gembira. Namun, pasti mereka akan berasa kecewa jika tidak berpeluang menyaksikannya. Jadi, timbul idea untuk menghasilkan ciptaan ini. Penghasilan robot Merdeka Rero Micro telah membuktikan generasi sekarang mempunyai semangat cinta akan negara yang amat baik," katanya ketika ditemui pihak kami.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Murid Serlah Semangat Patriotik dalam Kreativiti Cipta Robot'
oleh Ahmad
Hasbi,
Berita Harian, 3 September 2022)

[8 markah]